



MARAN
BANDAR SEJAHTERA



LOKASI ::

Majlis Daerah Maran, 26500 Maran
Pahang Darul Makmur



TELEFON ::

+609-4771411



FAX ::

+609-4771511



PORTAL RASMI ::

www.mdmaran.gov.my



FACEBOOK ::

Majlis Daerah Maran



EMEL ::

aduan@mdmaran.gov.my



TWITTER ::

MDMaran



YOUTUBE CHANNEL ::

Majlis Daerah Maran

BULETIN MARAN SEJAHTERA

**EDISI 2
2023**

ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN TAHUN 2023

LANSKAP

PEMBENTANGAN DRAF
AKHIR PELAN INDUK
LANSKAP

PERSARAAN

MAJLIS PERSARAAN
KAKITANGAN MAJLIS
DAERAH MARAN





MUKA SURAT 12 PERBARISAN HARI KEBANGSAAN KE-66

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN :

Majlis Persaraan Kakitangan Majlis
Daerah Maran - m/s 3
Mesyuarat Bersama Jabatan - m/s 7
Webinar Gangguan Seksual - m/s 13

JABATAN PERANCANGAN BANDAR, PELANCONGAN & LANSKAP

Draf Akhir Pelan Induk Lanskap - m/s 6
Hari Perancang Bandar Sedunia - m/s 7
Sayangi Bumi - m/s 8
Pameran Rancangan Tempatan
Daerah (Penggantian) - m/s 10

BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT :

Bengkel Jana Pendapatan - m/s 5
Kursus ePBT - m/s 9
Kursus ICT Aplikasi Canva dan
Microsot Excel - m/s 14

BAHAGIAN KEBERSIHAN DAN KESIHATAN AWAM

Pengurusan Anjing Terbiar - m/s 4
Kempen Tandas Bersih - m/s 6

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

Kutipan Luar CTA - m/s 8

BAHAGIAN PELESENAN

Bantuan Banjir Monsun Timur Laut -
m/s 10

MAJLIS PERSARAAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH MARAN

29 DISEMBER 2023

Majlis Persaraan telah diadakan bagi meraikan dan menghargai jasa dan bakti kakitangan Majlis Daerah Maran yang akan bersara iaitu Encik Suhaimi bin Mat Yacob, Encik Mohd Bakri bin Abdul Razak dan Encik Burhanuddin bin Chik.



OPERASI PENGURUSAN ANJING TERBIAR

27 DISEMBER 2023

Operasi pengurusan anjing terbiar peringkat Daerah Maran. Kawasan sasaran adalah di Bandar Maran dan Pekan Awah



MESYUARAT PENGURUSAN ANJING TERBIAR

19 DISEMBER 2023

Mesyuarat pengurusan anjing terbiar peringkat Daerah Maran telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Majlis Daerah Maran



BENKEL JANA KELUARGA

13 DISEMBER 2023

Bengkel Jana Pendapatan Digital Keluarga telah diadakan pada 13 Disember 2023 dengan kerjasama Majlis Daerah Maran bersama Pusat Ekojomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) Daerah Maran. Tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya menyiapkan tugas secara hands-on.

Sekalung penghargaan buat tenaga pengajar dari PEDi Kampung Sentosa (Cik Mona), PEDi Kg Berkat (Cik Awin) dan PEDi Luit (Pn. Aini). Semoga jalinan kerjasama ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

PENDAPATAN DIGITAL



KEJOHANAN PETANQUE

12 DISEMBER 2023



Tahniah diucapkan kepada semua pemain petanque Majlis Daerah Maran yang telah berjaya merangkul Naib Johan di Pertandingan Petanque Jemputan 1000 Liga Daerah Maran, Piala Pengetua SMK Cedung Jaya 2023.

Semoga semangat kesukanan sentiasa membara...

PEMBENTANGAN DRAF AKHIR PELAN LANSKAP MARAN DRAF INDUK DAERAH

24 NOVEMBER 2023

Pembentangan Draf Akhir Pelan Induk Lanskap Daerah Maran telah dibentangkan oleh pihak konsultan kepada Yang DiPertua, Setiausaha, Ahli Majlis serta ketua jabatan Majlis Daerah Maran di Mesyuarat Penuh yang telah berlangsung.



KEMPEN TANDAS BERSIH TAHUN 2023

20 NOVEMBER 2023

Majlis Penyampaian Hadiah Kempen Tandas Bersih Tahun 2023 telah diadakan pada Maran Hill Golf Resort.



MUKA SURAT 6



MESYUARAT BERSAMA JABATAN (MBJ)

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah diadakan pada 10 November 2023 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Majlis Daerah Maran. Tahniah dan terima kasih kepada semua wakil dari semua skim pekerja dan pengurusan Majlis Daerah Maran diatas kerjasama dan sepakatan dari semua pihak.



24 NOVEMBER 2023



SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 9 NOVEMBER 2023

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2023 PERINGKAT KEBANGSAAN: HPBS 2023

Bertempat di Putrajaya, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2023 Peringkat Kebangsaan bertemakan 'Malaysia MADANI Komuniti Sejahtera' di Dewan Seri Siantan, Kompleks Persidangan Perbadanan Putrajaya. Daerah Maran antara 12 PBT yang mendapat skor paling tertinggi pencapaian Bandar Mampan 2023



SAYANGI BUMI 4 NOVEMBER 2023

Program Anak Muda Sayangi Bumi telah diadakan di Arena YAM Tengku Muda Pahang, Maran. Pelbagai aktiviti dijalankan seperti senamrobik, mewarna, tanam pokok, mengecat dan 'Trash to Cash'



Kutipan Luar Cukai Taksiran Am di Rantau Perintis 1,2 dan 3 diadakan pada 4 November 2023 bermula jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

Jom bayar cukai taksiran am anda di Kaunter Bergerak Majlis Daerah Maran.

KUTIPAN LUAR CUKAI TAKSIRAN AM NOVEMBER 2023



PROGRAM BACAAN YASIN DAN QUNUT NAZILAH 3 NOVEMBER 2023

Badan Kebajikan dan Sukan MDM (BAKEP) telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Qunut Nazilah yang dipimpin oleh Ustaz Ashraf



KURSUS SISTEM EPBT

20 OKTOBER 2023

Bahagian Sistem Maklumat dengan kerjasama Unit Undang - undang telah menganjurkan Kursus Sistem ePBT (*refreshment*) khas untuk Bahagian Penguatkuasaan, Unit Tempat Kereta dan Bahagian Pelesenan.

Kursus telah dimulakan dengan taklimat ringkas berkaitan akta dan peraturan oleh Penolong Pegawai Undang - undang, Encik Muhammad Hisham bin Said. Seterusnya peserta pula diterangkan berkaitan keseluruhan sistem ePBT oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Puan Shahrani Saazai Mat Saad.

Sesi kemuncak kursus iaitu cara-cara menggunakan Modul Kompaun (*refreshment*) telah disampaikan oleh Puan Norshakirah bt Dato' Haji Mohamad Shahaimi, Pembantu Tadbir Unit Undang-undang selaku pemilik Modul Kompaun ePBT MDMaran.

Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kursus berkenaan.



PAMERAN BERGERAK RANCANGAN TEMPATAN DAERAH MARAN 2035 (PENGgantian)

OKTOBER 2023

Pameran bergerak Rancangan Tempatan Daerah Maran 2035 (penggantian) telah diadakan di Pekan Sehari Maran pada 1 Oktober 2023



PENYERAHAN BANTUAN BANJIR MONSUN TIMUR LAUT

20 OKTOBER 2023

Majlis Penyerahan Bantuan Banjir Monsun Timur Laut telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin



PERTANDINGAN TREASURE HUNT 3 NOVEMBER 2023

Majlis Daerah Maran telah menghantar dua pasukan untuk menyertai Pertandingan *Treasure Hunt* sempena Pemahsyuran Majlis Perbandaran Pekan.



PROGRAM JELAJAH JEMPUTAN PBT NEGERI PAHANG 13 SEPTEMBER 2023

Program Jelajah Jemputan PBT Negeri Pahang ke Majlis Pemasyhuran Majlis Perbandaran Pekan telah disambut baik oleh wakil dari Majlis Daerah Maran



PERBARISAN HARI KEBANGSAAN KALI KE-66 31 OGOS 2023



Majlis Daerah Maran telah turut sama menyertai Perbarisan Hari Kebangsaan kali ke - 66.



KAUNTER MDM DI KARNIVAL TANAH MYDIN MALL 5 OGOS 2023

Majlis Daerah Maran telah membuka booth di Mydin Mall sempena Karnival Tanah Maran. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah Semakan dan Bayaran Cukai Taksiran Am serta diskaun kompaun tempat letak kereta.



WEBINAR GANGGUAN SEKSUAL

Webinar berkaitan gangguan seksual telah ditayangkan di Bilik Mesyuarat Utama Majlis Daerah Maran dan melibatkan semua kakitangan Majlis Daerah Maran.





KEMBARA MERDEKA

28 JULAI 2023

Majlis Daerah Maran turut menyertai Kembara Merdeka yang telah tiba dari Kuantan ke Daerah Maran bertempat di Mydin Mall sebelum ianya diserahkan kepada Daerah Jerantut



KURSUS ICT - APLIKASI CANVA & MS EXCEL

28 JULAI 2023

Kursus ICT telah diadakan pada 11 Julai 2023 (Selasa) bertempat di Ghufrah Majlis Daerah Maran. Kursus anjuran Bahagian Sistem Maklumat pada kali ini telah memilih topik MS Excel, MS Powerpoint dan juga Canva. Para peserta juga turut didedahkan dengan aplikasi kuiz atas talian iaitu Quizizz serta diberikan penugasan merekacipta poster menggunakan aplikasi Canva.

Ucapan ribuan terima kasih kepada tenaga pengajar jemputan yang terdiri daripada pelajar praktikal Encik Aizat Aziz (Kursus MSExcel), Encik Muhammad Raihan Abdul Wahab (MS Powerpoint) dan Cik Norrul Tasniq Baharuddin (Canva) diatas perkongsian ilmu bersama kakitangan Majlis Daerah Maran. Penghargaan turut diberikan kepada Encik Zulkarnain Mohd Nadzir (Juruteknik Komputer MDM) untuk penyediaan tempat dan seterusnya Puan Shahrani Saazai Mat Saad (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat) selaku pengelola kursus dan penyediaan soalan kuiz serta cenderahati.

Kursus telah diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Encik Mubammad Haziq Radzwan kepada pemenang rekabentuk poster menggunakan aplikasi Canva iaitu Encik Ahmad Hassaini (Pembantu Penguatkuasa, Unit Tempat Letak Kereta)

